

5 drebar teksi masuk jerat SPAD

H/M 7/10/2011 MS 64.

Tidak guna meter, tetapkan tambang ketika bawa pegawai menyamar

FOTO | Fariz Iswadi Ismail

>>Oleh Georgie Joseph

georgie@hmetro.com.my

SUBANG JAYA: Akibat enggan menggunakan meter selain mengenakan tambang tidak munasabah kepada pelanggan, lima pemandu teksi ditahan anggota penguat kuasa Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dalam operasi khas sekitar kawasan ini, kelmarin.

Dalam operasi dinamakan 'Ops Tegass II' dijalankan serentak di sembilan lokasi sekitar Lembah Klang termasuk Tesco Puchong, Mentari Court, Summit USJ, Kereta Api Tanah Melayu (KTM) Subang, Ikea, Kepong Sentral, Sentul Timur dan Hotel Pan Puteri, lima pemandu terbabit ditahan kerana kesalahan tidak menggunakan meter sebelum dibawa ke balai polis berhampiran untuk diambil keterangan.

Ketua Bahagian Penguatkuasaan SPAD, Mejar Jeneral (B) Datuk Paduka Che Hasni Che Ahmad berkata, beberapa anggotanya ditugaskan menyamar sebagai pelanggan di sembilan lokasi berkenaan sebelum meminta pemandu terbabit menghantar mereka ke pusat beli-belah Sunway Pyramid.

"Dalam operasi itu, kami



TEGAS...Che Hasni (kiri) bersama seorang anggota penguat kuasa SPAD memeriksa dalam Ops Tegass II, semalam.

mendapati pemandu berkenaan sengaja menutup meter dan menetapkan tambang dari satu lokasi ke lokasi lain dengan kadar tidak berpatutan.

"Ada antara mereka yang melanggar etika dengan mencari sendiri pelanggan menaiki teksi mereka," katanya.

Sebelum itu, SPAD menerima aduan daripada beberapa pelancong asing yang mendakwa ditipu apabila dikenakan tambang begitu mahal yang boleh membe-

rikan gambaran buruk kepada negara ini.

Beliau berkata, operasi bertujuan memberi pengajaran dan kesedaran kepada pemandu tindakan mereka itu satu kesalahan besar boleh dikenakan hukuman tegas.

"Bagi kesalahan tidak menggunakan meter, pesalah boleh dikenakan penalti minimum RM1,000 dan maksimum RM100,000 atau penjara dua tahun atau kedua-dua sekali mengikut Seksyen 22, Akta Pengangkutan Darat 2010 manakala

jika didapati menyalahi kadar tambang sebenar, pesalah boleh didakwa mengikut Seksyen 75 akta sama dengan penalti RM50,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-dua sekali jika sabit kesalahan," katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai menghubungi talian perkhidmatan awam SPAD di talian 1-800-88-9600 jika mempunyai maklumat mengenai kejadian berkenaan supaya tindakan boleh diambil.